

Pendekatan Lestari Masjid-Masjid Lama di Bandar Melaka

(Sustainability Approaches of Old Mosques in Malacca Town)

Muhammad Nushi Izahar^a, Mohd Farid Mohamed^{a*} & Wardah Fatimah Mohammad Yusoff^a

^aJabatan Seni Bina dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: faridmohamed@ukm.edu.my

Received 11 May 2022, Received in revised form 29 May 2022

Accepted 14 July 2022, Available online 30 October 2022

ABSTRAK

Bagi masyarakat Islam, masjid adalah institusi yang amat penting terutama dalam urusan ibadah dan kemasyarakatan. Masjid mempunyai pelbagai fungsi termasuk dalam membangunkan pemahaman tentang Islam di kalangan masyarakat serta perpaduan dalam kalangan ummah atau masyarakat setempat, bahkan termasuk masyarakat bukan Islam. Oleh itu, amatlah penting bagi perkembangan masjid untuk mengambil berat akan aspek kelestarian bangunan yang memberi impak kepada faktor sosial, persekitaran dan ekonomi. Objektif kajian ini adalah untuk melakukan kajian awal bagi membincangkan tentang kelestarian masjid warisan di pusat Bandar Melaka. Antara fokus utama adalah berkenaan pendekatan hijau. Kajian ini masih di peringkat awal, yang mana kajian kes dilakukan ke atas dua masjid tertua di Bandar Melaka iaitu Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Kling. Kajian awal ini memberi fokus kepada peranan masjid terhadap aspek sosial, persekitaran dan ekonomi bagi penduduk setempat. Kajian ini juga membincangkan tentang sejarah dan seni bina masjid-masjid tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Kling merupakan rumah ibadat yang sepatutnya dijadikan contoh kepada bangunan ibadat yang lestari dalam semua aspek iaitu aspek ekonomi, sosial dan juga persekitaran. Hasil daripada kajian ini, ia merungkai tentang pendekatan kelestarian masjid-masjid tersebut, dan membuktikan peranan masjid adalah amat penting dalam pembangunan masyarakat. Reka bentuk masjid warisan yang lestari ini dapat dijadikan contoh dan panduan kepada pembinaan masjid moden.

Kata kunci: Masjid Kampung Hulu; Masjid Kampung Kling; kelestarian

ABSTRACT

For a Muslim society, a mosque is very important as a place for worshipping the god as well as for social activities. Mosque has a variety of functions including ensuring a better understanding of Islam in the society and ensuring unity among the local community, including the non-muslim community. Therefore, it is important for any development of a mosque to take into account the sustainability aspect of the building which has great impacts on social, environmental, and economic factors. The objective of this study is to complete an initial study that discusses the sustainability of heritage mosques in the Malacca City Center. One of the main focuses is the green approaches. The study is still in its early stage, where a case study investigation was completed on two oldest mosques in Melaka City, namely, Kampung Hulu Mosque and Kampung Kling Mosque. This initial study focuses on the roles of the mosques on the locals in the aspects of social, environmental and economic. This study also discusses the history and architecture of the mosques. The findings of the study show that the Kampung Hulu Mosque and the Kampung Kling Mosque should be used as examples of a sustainable religious building that covers all aspects, namely economic, social and environmental aspects. This study reveals the sustainability approach of the mosques, and it also proves the role of the mosque is very important in community development. The sustainable design of these heritage mosques can be used as an example and guide to the construction of modern mosques.

Keywords: Kampung Hulu Mosque; Kampung Kling Mosque; sustainability

Masjid mempunyai peranan penting kepada umat Islam kerana ia melambangkan tamadun kehidupan bagi agama Islam. Masjid berperanan dalam menyebarkan agama Islam dan menjadi pusat pembelajaran agama. Peranan masjid juga adalah sebagai tempat untuk seseorang hamba mengabdikan diri kepada Pencipta.

Terdapat banyak masjid-masjid tua di Melaka yang masih wujud sehingga kini. Masjid-masjid ini dibangunkan di bawah pemerintahan Belanda. Satu maklumat asas yang penting berkenaan kewujudan masjid di Melaka adalah, tiada maklumat berkenaan seni bina masjid sebelum zaman pemerintahan Belanda, walaupun dipercayai Islam telah wujud di Melaka jauh sebelum kedatangan Belanda. Oleh yang demikian, tidak dapat dipastikan keadaan reka bentuk terdahulu masjid-masjid di Melaka yang dibina sebelum abad ke 18, sama ada semasa dikuasai oleh Portugis atau sebelumnya.

Merujuk kepada masjid-masjid tua di Melaka, dapat dilihat reka bentuk masjid-masjid tersebut mempunyai banyak persamaan antara satu-sama lain yang membuktikan reka bentuk masjid-masjid tersebut mempunyai pendekatan reka bentuk yang tersendiri. Reka bentuk asas masjid warisan Melaka yang di bina sekitar awal abad ke 18 ini dilihat menjadi rujukan bagi masjid terkemudian dengan mempunyai banyak persamaan yang jelas. Oleh yang demikian, adalah boleh dianggap, seni bina masjid warisan awal di Melaka telah dibangunkan dengan mempunyai ciri kelestarian yang sesuai diaplikasikan kepada masjid-masjid terkemudian bagi memenuhi kehendaki kelestarian sesebuah masjid.

Pada masa ini, walaupun pembinaan masjid-masjid baru di Melaka dilihat cuba mengekalkan rupa luaran yang hampir sama dengan seni bina masjid warisan Melaka, namun, umumnya ia telah mengambil pendekatan reka bentuk yang berbeza disebabkan pelbagai faktor seperti penggunaan penghawa dingin bagi dewan solat, saiz masjid yang jauh lebih besar, penggunaan dan kos bahan yang berbeza serta keperluan semasa yang berbeza. Dapat dilihat kebergantungan masjid baru kepada penggunaan tenaga yang tinggi menjadikan ia kurang lestari berbanding masjid warisan.

Oleh yang demikian, kajian kelestarian ke atas masjid warisan Melaka dilihat penting dan perlu bagi rujukan umum pereka bentuk agar dapat diaplikasikan ke atas reka bentuk masjid masa kini. Kajian ini juga bertepatan memandangkan masih kurang kajian berkenaan aspek umum kelestarian bagi masjid warisan berbanding kajian kelestarian ke atas seni bina rumah warisan di Malaysia (Surat et al. 2012; Halipah et al. 2014; Japlus & Mohamed, 2018; Husen & Mohamed 2021).

Objektif penulisan ini adalah sebagai kajian awal bagi membincangkan tentang kelestarian masjid warisan Melaka yang terletak di Bandar Melaka. Perbincangan dilakukan melalui kajian kes ke atas dua masjid tertua di Bandar Melaka iaitu Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Kling. Tiga perkara asas kelestarian iaitu sosial, persekitaran dan ekonomi di bincangkan secara umum, dengan penekanan utama adalah ke atas pendekatan hijau yang wujud pada masjid tersebut bagi menyokong kelestarian masjid.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan pemerhatian sebagai kaedah kajian utama, dan kajian ini disokong melalui kaedah kajian literatur dan temubual. Pemerhatian dilakukan dengan berada di tapak dan memerhati keadaan bangunan dan aktiviti dalam bangunan. Kajian ini hanya memfokuskan kepada dua masjid lama di pusat Bandar Melaka iaitu Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Kling. Dua masjid ini adalah antara masjid tertua di Malaysia. Di Melaka, masjid-masjid ni adalah masjid kedua dan ketiga tertua, yang mana masjid tertua di Melaka adalah Masjid Peringgiti (Aziz 2016)

Dalam masa yang sama, perbandingan mudah dilakukan di antara dua masjid warisan tersebut dengan sebuah masjid tertua di Malaysia iaitu Masjid Kampung Laut yang terletak di Kelantan dan di bina pada tahun 1676, iaitu dalam abad ke 17 (Aziz 2014; Akib 2003).

Terdapat beberapa perbincangan dalam menjalankan kajian ini. Pertama, pembacaan literatur tentang sejarah serta aspek kelestarian Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Kling. Kedua adalah lawatan ke tapak bagi melihat serta menilai sendiri keadaan masjid yang dikaji disamping mengadakan temu bual dengan ahli jawatankuasa masjid dalam memperolehi maklumat berkaitan pendekatan hijau dalam reka bentuk masjid di samping menilai faktor kelestarian masjid.

Kajian ini adalah kajian lanjutan dari kajian sedia ada dilakukan pada tahun 2018 yang sebahagiannya telah diterbitkan dalam bentuk prosiding persidangan (Izahar & Mohamed 2018).

PERANAN MASJID

Masjid memainkan pelbagai peranan di dalam masyarakat. Jadual 1 merupakan peranan masjid seperti yang disenaraikan dalam 'Malaysian Standard' MS2577:2014. Senarai peranan ini berdasarkan sunnah Rasulullah SAW di zamannya. Melalui senarai tersebut, dapat dilihat peranan masjid yang pelbagai dengan pembahagian kepada tujuh

peranan yang besar merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Walaubagaimanapun, sebahagian dari peranan-peranan ini sudah tidak lagi dilakukan di masjid di masa kini seperti peranan sebagai hospital, penjara dan penghakiman.

Namun, masjid masih memainkan peranan penting dalam masyarakat termasuk peranan seperti pusat ibadah, komuniti, pendidikan, kebajikan dan ekonomi.

JADUAL 1. Peranan Masjid (*Malaysian Standard, MS 2577:2014*)

No	Peranan Masjid	Perincian
1	Ibadah	<ul style="list-style-type: none"> • Solat jemaah • Solat Jumaat • I'tikaf • Zikr • Sembahyang Tahajjud
2	Pembangunan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Perhimpunan tidak rasmi • Perundingan dan perbincangan • Program kanak-kanak • Program wanita • Aktiviti riadah • Aktiviti sukan • Doa pengebumian • Majlis perkahwinan
3	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran Al-Quran • Belajarlah hadith • Perdebatan intelektual • Kursus latihan untuk pendakwah • Pembelajaran kumpulan • Institusi pengajian tinggi • Latihan dalam pidato • Puisi deklamasi • Seni Islam
4	Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> • Menanamkan pemikiran Islam • Pusat pentadbiran negeri Islam • Penerimaan delegasi negeri • Jemaah pemimpin • Penyampaian ucapan • Pusat maklumat • Perancangan strategi pertahanan • Pusat penjara dan tahanan
5	Pengadilan	<ul style="list-style-type: none"> • Penghakiman dan pendengaran • Pelaksanaan dan kod jenayah • Pelaksanaan hukuman dan hukuman
6	Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Perumusan konsep dan idea ekonomi • Pusat perniagaan perdagangan • Pusat perniagaan • Kawalan ke atas pasaran
7	Kebajikan	<ul style="list-style-type: none"> • tempat perlindungan miskin atau memerlukan • Pengumpulan dan pengagihan derma dan zakat • tempat perlindungan untuk pelancong • Hospital • Tempat untuk bersantai dan tidur siang

Bagi memastikan peranan-peranan penting masjid ini tercapai dengan baik, reka bentuk masjid hendaklah dipastikan disesuaikan dengan peranannya. Kelestarian reka bentuk masjid juga penting bagi memastikan ia kekal relevan untuk generasi seterusnya. '*Malaysian Standard*' MS 2577:2014 juga menyatakan senarai elemen hijau yang bersesuaian dengan masjid dan ini menjadi rujukan kajian.

MASJID WARISAN DI MALAYSIA

Merujuk kepada kajian dan pembukuan masjid-masjid warisan di Malaysia (Ahmad et al. 2013; Aziz 2016), hanya terdapat beberapa masjid warisan yang di bina pada abad ke 18 dan hampir kesemuanya terletak di Melaka. Dua masjid warisan yang di bina dalam abad ini dan terletak di luar

Melaka adalah Masjid Kampung Laut di Kelantan (1676) dan Masjid Lama Pengkalan Kakap (1800). Di antara semua masjid-masjid ini, hanya Masjid Kampung Laut yang dibina hampir sepenuhnya dengan kayu dan berpanggung (Rajah 1). Selainnya di bina dengan batu-bata. Oleh yang demikian, rujukan kajian literatur (Akib 2003; Ahmad et al. 2013; Aziz 2016; Mohamed 2020) di lakukan ke atas Masjid Kampung Laut, di samping lawatan oleh penulis juga dilakukan namun tidak dibincangkan secara terperinci dalam kajian ini.

Seni bina masjid ini juga dilihat mempunyai persamaan yang ketara dengan sebuah masjid lama di Indonesia, iaitu Masjid Demak yang di bina pada tahun 1401.



RAJAH 1. Masjid Kampung Laut yang di bina hampir sepenuhnya dengan bahan kayu dan tanah liat.

Merujuk kepada lawatan tapak oleh penulis dan kajian terdahulu (Mohamed, 2020), dapat disimpulkan yang Masjid Kampung Laut ini direka bentuk dengan meletakkan faktor persekitaran sebagai perkara utama dalam reka bentuk. Penggunaan bahan semula jadi (iaitu kayu dan tanah liat), reka bentuk berpanggung (bagi menjaga keutuhan kayu dan mengelakkan haiwan berbahaya) dan penyediaan bukaan yang banyak dan luas (bagi membolehkan pencahayaan dan pengudaraan semula jadi) di lihat sebagai sebahagian dari pendekatan lestari yang wujud pada masjid ini. Secara umumnya, rekaan masjid ini adalah lestari dan menjadi sumber rujukan utama seni bina masjid warisan di Malaysia.


MASJID KAMPUNG HULU

Masjid Kampung Hulu adalah salah sebuah masjid yang terawal dibina di Malaysia dan ianya mempunyai nilai sejarah yang tinggi (Rajah 2(a) dan 2(b)). Merujuk kepada maklumat yang disediakan di Masjid tersebut, Dato Shamsuddin merupakan individu yang terlibat dalam pembinaan Masjid Kampung Hulu ini pada tahun 1728M (ada yang mengatakan pada tahun 1720M). Beliau dilantik oleh Belanda dalam memimpin orang-orang Melayu di Melaka yang digelar sebagai Kapitan Melayu. Beliau merupakan keturunan Cina Muslim yang dilantik sebagai

kapitan Melayu ke-2 selepas bapanya iaitu Dato' Arom. Dato' Arom yang merupakan kapitan Melayu yang pertama dilantik oleh Belanda. Nama pengasas Masjid Kampung Hulu iaitu Dato Shamsuddin ini dapat dilihat pada papan tanda yang terdapat pada bahagian kiri pintu gerbang utama.




(a)



(b)

RAJAH 2. (a) Pandangan hadapan Masjid Kampung Hulu, dan (b) Lakaran pelan Masjid Kampung Hulu

Seni bina masjid Kampung Hulu ini menggunakan bumbung meru yang berbentuk piramid (Rajah 3). Bumbung meru ini memberikan kesan ruang dalaman yang tinggi dan lebar, seperti yang ditunjuk pada Rajah 4. Merujuk kepada Surat (2017) dan Nasir (2004), reka bentuk masjid ini dipengaruhi oleh gaya seni bina Cina dan Melayu. Bumbung berbentuk meru merupakan gaya seni bina masjid Indonesia seperti Masjid Demak yang dibina pada tahun 1478 atau 1479 (Nasir 2004; Aziz 2014) dan di Semenanjung Tanah Melayu seperti Masjid Kampung Laut, Kelantan yang dibina pada tahun 1676 (Aziz 2016). Reka bentuk masjid ini juga mungkin dipengaruhi reka bentuk masjid-masjid terdahulu di Melaka sebelum penjajahan Belanda memandangkan Islam wujud di Melaka lebih awal, namun tiada rujukan masjid lebih lama yang wujud.



RAJAH 3. Lakaran Keratan Rentas Masjid Kampung Hulu



RAJAH 4. Ruang dalam Masjid Kampung Hulu yang tinggi dan lebar.

Fungsi masjid Kampung Hulu pada zaman penjajahan Belanda merupakan pusat penyebaran agama Islam dan ianya berterusan sehingga kini. Masjid Kampung Hulu juga menjadi antara pusat komuniti yang berjaya dan dapat dilihat aspek tersebut sehingga sekarang. Sifat keterbukaan masjid menarik pengunjung tidak kira bangsa mahupun agama.

Menurut pandangan imam dua masjid Kampung Hulu iaitu Haji Ahyat bin Alias (Imam 2 Masjid Kampung Hulu) yang ditemubual pada 2 April 2018, Masjid Kampung Hulu ini dibina lebih awal iaitu sekitar tahun 1670M akan tetapi diiktiraf oleh Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) pada tahun 1728M. Penulis tidak menolak kemungkinan masjid ini dibina lebih awal oleh kerana individu yang lebih sinonim dengan masjid tersebut ialah Dato Arom iaitu bapa kepada Dato Shamsudin yang merupakan kapitan Melayu yang pertama yang dilantik oleh Belanda. Kapitan bermaksud pemimpin dan gelaran ini diberi oleh penjajah kepada penduduk tempatan seperti Dato Arom. Sejarah Masjid Kampung Hulu terpapar pada papan maklumat seperti yang tunjukkan pada Rajah 5.



RAJAH 5. Papan maklumat sejarah Masjid Kampung Hulu

KELESTARIAN MASJID KAMPUNG HULU

Merujuk kepada Ahyat Alyas, Masjid Kampung Hulu merupakan satu masjid yang kaya dan memiliki memiliki pelbagai aset di negeri Melaka seperti rumah kedai dan hotel, yang merupakan harta yang telah diwakafkan pada era Dato Aroom dan Dato Shamsudin. Dalam institusi seperti masjid, penjaan pendapatan adalah amat penting bagi tujuan pengurusan bangunan dan juga aktiviti-aktiviti masjid. Masjid Kampung Hulu adalah satu simbol kejayaan dalam konteks perwakafan harta dan pengurusan harta wakaf.

Merujuk kepada Ahyat Alyas, selain dari penjaan melalui aset kepunyaan masjid, aktiviti-aktiviti penjaan lain adalah aktiviti perubatan Islam. Aktiviti tersebut amat sinonim di masjid Kampung Hulu dan boleh dilihat sehingga kini. Perubatan oleh ahli jawatankuasa masjid seperti imam dan bilal akan dijalankan selepas waktu asar setiap hari dengan mengamalkan konsep giliran (Rajah 6).



RAJAH 6. Rawatan dijalankan selepas solat asar di serambi/ruang limpah masjid

Merujuk kepada Ahyat Alyas, Masjid Kampung Hulu terkenal dengan pelbagai aktiviti sosial yang melibatkan masyarakat. Terdapat aktiviti harian, mingguan serta tahunan yang berjalan di Masjid Kampung Hulu tersebut. Selain solat berjemaah Masjid Kampung Hulu menyediakan bacaan atau pengajian hadith selepas solat fardhu. Pengajian ini disampaikan oleh imam ataupun bilal masjid tersebut. Uniknyanya masjid ini, setiap Khamis malam Jumaat, Masjid Kampung Hulu bukan sekadar membaca surah Yassin malahan di tambah dengan lantunan zikir-zikir yang dikumpulkan melalui ayat-ayat Al-Quran. Disamping itu juga, masjid ini juga dipenuhi oleh banyak majlis ilmu samada oleh imam-imam masjid dan juga penceramah jemputan.

Setiap hari Sabtu, jamuan makan untuk orang miskin tidak kira bangsa dan agama diadakan pada pukul 12.00 tengahari iaitu sebanyak sekitar 200 orang (Rajah 7). Manakala, setiap tahun, pada bulan Ramadhan, pelbagai aktiviti untuk menghidupkan bulan yang mulia tersebut seperti majlis berbuka puasa.



RAJAH 7. Aktiviti minum petang selepas solat asar dan pengunjung menggunakan masjid sebagai tempat rehat di kawasan ruang limpah.

Apa yang unik akan masjid ini berbanding dengan masjid lain ialah masjid ini dibuka 24 jam dan membenarkan para musafir dan gelandangan untuk menjadikan masjid ini tempat persinggahan atau tempat tidur. Dari segi keselamatan masjid pihak masjid menyediakan penjaga atau pengawal yang bertugas pada pukul 10.00 malam sehingga 6.00 pagi.

Melalui temubual dan pemerhatian yang dilakukan, adalah dapat disimpulkan, bahawa Masjid Kampung Hulu kekal utuh, relevan dan selari dengan pembangunan yang berlaku di Bandar Melaka, dan menjadi nadi utama aktiviti umat Islam setempat.

MASJID KAMPUNG KLING


Masjid Kampung Kling merupakan antara masjid yang tertua di Melaka yang terletak di Jalan Lekiu dan Jalan Tukang Emas. Merujuk kepada papan maklumat (Rajah 8), masjid

ini dibina pada tahun 1748M. Masjid ini terletak tidak jauh dari Masjid Kampung Hulu yang merupakan khariah yang sama. Jarak antara kedua-dua masjid ini kira-kira 500 meter. Pendekatan reka bentuk masjid ini adalah sama seperti Masjid Kampung Hulu yang mempunyai pengaruh gaya seni bina Cina dan Melayu. Rajah 9 menunjukkan lukisan pelan Masjid Kampung Kling, manakala Rajah 10 menunjukkan lukisan keratan rentas masjid tersebut.




RAJAH 8. Papan maklumat di Masjid Kampung Kling

Merujuk sumber setempat, masjid ini dibina berhampiran dengan masjid sedia ada disebabkan berlaku perbezaan mazhab (aliran) kerana Melaka merupakan pusat perdagangan antarabangsa. Perbezaan mazhab ini berlaku di antara penduduk asal dengan pedagang India Muslim pada ketika itu. Masjid Kampung Hulu berpegang kepada Mazhab Syafie manakala masjid Kampung Kling berpegang dengan Mazhab Hanafi.



RAJAH 9. Pelan Masjid Kampung Kling

Pembinaan masjid berhampiran di antara satu sama lain bukanlah sesuatu yang aneh walaupun ia jarang berlaku. Pembinaan masjid disebabkan perbezaan mazhab ini boleh dilihat di tempat-tempat lain seperti Masjid Jamek dan Masjid India di Kuala Lumpur. Selain itu, Masjid Zahir dengan Masjid Nagore di Alor Setar, Kedah juga merupakan masjid yang berada di khariah yang sama. Pada masa kini, perbezaan mazhab yang jelas tidak berlaku pada di kedua-dua masjid tersebut Oleh itu, konsep giliran untuk sembahyang Jumaat berlaku dan kekal hingga kini.



RAJAH 10. Lakaran Keratan Rentas Masjid Kampung Kling


Merujuk kepada temuramah bersama Encik Qadri Rambli bin Haji Rambli (Imam 2 Masjid Kampung Kling) pada 2 April 2018, aktiviti sosial di Masjid Kampung Kling juga seperti masjid-masjid lain. Akan tetapi aktiviti sosial masjid tersebut tidak semeriah Masjid Kampung Hulu. Lokasinya yang terletak di 'Jonker Street' menyebabkan ramai pengunjung datang untuk melawat masjid tersebut. Terdapat juga aktiviti pada hari biasa seperti solat jemaah bagi setiap waktu solat yang diamalkan di masjid tersebut. Rajah 11, 12, 13 dan 14 menunjukkan reka bentuk luaran dan dalaman Masjid Kampung Kling.




RAJAH 11. Pandangan sisi Masjid Kampung Kling.



RAJAH 12. Pintu masuk utama Masjid Kampung Kling



RAJAH 13. Ruang limpah (serambi) Masjid Kampung Kling



RAJAH 14. Ruang dalam Masjid Kampung Kling yang tinggi dan lebar.

Pada bulan puasa, masjid ini juga menjalankan solat tarawih serta tadarus selepas solat sunat tarawih. Masjid Kampung Kling tidak seperti Masjid Kampung Hulu yang membenarkan para musafir dan gelandangan untuk tidur. Masjid ini akan ditutup pagarnya setelah selesai aktiviti pada hari tersebut.

Merujuk kepada temuramah bersama Encik Qadri Rambli, dari segi faktor ekonomi, Masjid Kampung Kling terjurus dengan dua faktor utama iaitu pelaksanaan program dan juga sumbangan daripada pengunjung dan ahli kariah. Terdapat dua jenis dana yang terdapat di Masjid Kampung Kling iaitu dana umum dan dana khusus. Dana umum lebih bersifat kepada sumbangan daripada pengunjung manakala dana khusus daripada Majlis Agama Islam Melaka. Masjid Kampung Kling juga mempunyai program tahunan serta bulanan bagi menjana pendapatan kepada masjid tersebut seperti ceramah dan majlis korban serta hari raya. Program seperti ceramah dapat dijadikan sumber pendapatan bagi masjid ini apabila Jemaah yang hadir memberi sumbangan kepada masjid Kampung Kling.

PENDEKATAN REKA BENTUK LESTARI PADA MASJID KAMPUNG HULU DAN KAMPUNG KLING

Pendekatan reka bentuk lestari amat penting dalam mencapai kelestarian sesuatu bangunan. Reka bentuk

bangunan penting dalam memastikan objektif kelestarian berjaya dicapai dengan sempurna dan membantu dalam menghasilkan bangunan yang kurang atau tidak memberi impak negatif kepada alam sekitar dan penghuninya.

Perbincangan tentang aspek reka bentuk lestari dalam kajian ini tertumpu kepada pendekatan umum yang terdapat di kedua-dua masjid. Perbincangan dilakukan bersama

kerana kedua-dua masjid mempunyai pendekatan reka bentuk lestari yang sama yang mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti berada dalam kariah yang sama, jangkamasa pembinaan yang tidak jauh (yang terdahulu dijadikan rujukan), atau menggunakan teknologi dan pendekatan reka bentuk seni bina yang sama.


JADUAL 2. Senarai pendekatan reka bentuk lestari yang dikenalpasti di Masjid Kampung Kling dan Masjid Kampung Hulu

No	Gambar	Lunas (Prinsip)
1		<p>Bukaan yang banyak dan luas pada bahagian dinding bangunan:</p> <p>Menggalakkan pengudaraan dan pencahayaan semulajadi berlaku dalam bangunan dengan baik. Ia juga membolehkan pengudaraan silang yang lebih cekap.</p>
2		<p>Menara dan bumbung bertingkat:</p> <p>Reka bentuk yang membezakan rumah ibadat muslim di Melaka berbanding agama lain. Ia juga menjadikan seni binanya kelihatan megah dan besar sebagai simbol keagungan Islam dan menjadikan pengunjunnya rendah diri.</p>
3		<p>Bumbung yang curam:</p> <p>Menggalakkan air hujan turun dengan lancar, mengelakkan sampah terkumpul, serta menghalang daripada air hujan masuk ke dalam bangunan.</p>
4		<p>Bumbung daripada tanah liat:</p> <p>Kurang menyerap haba serta berfungsi sebagai penebat haba yang lebih baik berbanding konkrit dan logam.</p>
5		<p>Cucur atap yang lebar:</p> <p>Dapat menghalang cahaya matahari dari terus masuk ke dalam bangunan dan menyebabkan silau. Ia juga mengelakkan tempias hujan ke ruang dalam.</p>

bersambung ...

... sambungan

6



Bahan binaan semulajadi:

Penggunaan kayu yang lebih lestari dan merupakan bahan tempatan. Penggunaan kayu juga membolehkan penggunaan teknologi tanggam.


7



Aras Ketinggian yang berbeza:

Menggambarkan hirarki dan perbezaan sesuatu ruang.

8



Ruang tingkap di bumbung:

Menyediakan pencahayaan semulajadi di ruang tengah bangunan.

9



Serambi/ruang limpah:

Berfungsi sebagai ruang peralihan diantara ruang solat dan ruang awam. Ia juga merupakan ruang yang selesa untuk berehat dan melakukan aktiviti.


10



Menggunakan air hujan:

Menggunakan sumber air semulajadi secara tidak langsung dapat menjimatkan penggunaan air yang dirawat.





11



Lebih dari satu pintu masuk:

Mempunyai pintu masuk yang banyak dan dari pelbagai arah bagi membolehkan pergerakan yang lancar.

bersambung ...

12		<p>Gerbang utama:</p> <p>Pengawalan aktiviti keluar dan masuk, menjadi tarikan kepada pengunjung, dan menunjukkan tanda arah.</p>
13		<p>Menggunakan ukiran:</p> <p>Menambahkan keindahan bangunan disamping ukiran tebuk tembus yang membenarkan pengcahayaan dan pengudaraan semulajadi.</p>
14		<p>Menggunakan warna asli bahan binaan:</p> <p>Mengekalkan warna keaslian bahan binaan seperti kayu supaya ianya kelihatan semulajadi dan menjadikan ruang lebih segar.</p>
15		<p>Ruang dalam yang terbuka, tinggi dan luas:</p> <p>Mengalakkan penggunaan ruang secara optimum serta mengalakkan pengudaraan dan pengcahayaan semulajadi yang cekap. Ia juga bersesuaian dengan masjid sebagai rumah ibadat yang melibatkan ramai pengunjung.</p>

Berdasarkan Jadual 2, melalui pemerhatian awal yang dilakukan, terdapat 15 pendekatan reka bentuk lestari yang dikenalpasti di Masjid Kampung Kling dan Masjid Kampung Hulu. Pendekatan-pendekatan reka bentuk inilah yang menjadikan masjid-masjid tua ini kekal lestari dan relevan kepada masyarakat kini. Contohnya, tanpa mempunyai pendingin hawa, ruang dalam bangunan kekal selesa untuk beribadat dengan hanya menggunakan kipas siling. Pengudaraan dan pencahayaan semulajadi juga menyebabkan kos penyelenggaraan masjid menjadi lebih rendah.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membincangkan tentang kelestarian Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Kling yang terletak di pusat Bandar Melaka dan dikategorikan sebagai bangunan warisan. Melalui kajian ini, dapat disimpulkan Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Kling merupakan satu

rumah ibadat yang sepatutnya dijadikan contoh bangunan ibadat yang lestari dalam semua aspek: ekonomi, sosial dan juga persekitaran.

Dari segi perbezaan dua masjid ini berbanding masjid tertua di Malaysia iaitu Masjid Kampung Laut, dapat dilihat secara umumnya perbezaan ketara adalah dari segi bahan binaan (iaitu binaan batu bata dan binaan kayu) dan pembinaan berpanggung yang lebih sesuai kepada Masjid Kampung Laut kerana menggunakan lantai kayu, berbanding masjid warisan Melaka yang tidak menggunakan bahan kayu untuk lantai.

Dari segi reka bentuk bangunan, senarai pendekatan lestari yang disenaraikan juga membuktikan reka bentuk masjid-masjid lama Melaka ini meletakkan faktor kelestarian bangunan sebagai satu faktor yang utama melalui reka bentuk yang mengambilkira keperluan komuniti setempat dan keselesaan penghuni. Pendekatan kelestarian ini juga bertepatan dengan *'Malaysian Standard'*, MS 2577:2014. Maka, tidak hairanlah jika reka bentuk antara masjid terawal ini digunapakai dalam banyak reka bentuk masjid lain di

Melaka dan ianya kekal relevan dan aktif hingga ke hari ini. Impak positif kepada isu sosial dan kualiti ummah adalah jelas dalam pemerhatian yang dilakukan.

Oleh demikian, boleh dirumuskan, reka bentuk sesebuah bangunan awam seperti masjid perlulah menitikberatkan faktor kelestarian supaya bangunan tersebut memberikan impak positif terhadap aspek persekitaran, ekonomi dan juga sosial. Seterusnya, memberikan kelangsungan aktiviti terhadap bangunan serta kawasan sekitarnya agar setiap bangunan yang didirikan tidak akan hilang ditelan zaman walaupun perubahan demi perubahan berlaku disekitarnya. Ini amat penting dalam reka bentuk masjid moden di Malaysia bagi menjamin kelestarian masjid tersebut. Walaupun dapat dilihat banyak masjid moden tidak menepati kriteria kelestarian sebagaimana wujud di masjid kajian, namun inisiatif kelestarian dapat dilihat pada masjid moden seperti Masjid Negara, Kuala Lumpur dan Masjid Raja Haji Fi Sabilillah di Cyberjaya, Selangor.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi di atas sokongan kewangan melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk Reka Bentuk Bumbung bagi Mengawal Keselesaan Dalaman Masjid (FRGS/1/2020/TK0/UKM/02/26).

RUJUKAN

Ahmad, A.A., Zin, A.A.M. & Arbi, E. 2013. Typology of interior architecture for traditional mosques in Peninsular Malaysia from 1700 – 1900 AD. *Jurnal Al-Tamaddun* 8(2): 9-100.
Akib, S.M. 2003. *Masjid Tua Kampong Laut*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kuala Lumpur.

Aziz, A.A. 2014. *Masjid- Selected Mosques from Islamic world*. Kuala Lumpur: ATSA Architects Sdn Bhd.
Aziz, A.A. 2016. *Masjid- Selected Mosques and Musollas in Malayisa*. Kuala Lumpur: ATSA Architects Sdn Bhd.
Halipah, I.S., Liew, A.A.H., Nawi, M.N.M., & Yusoff, M.N. 2014. Reinventing traditional Malay house for sustainable housing design: Obstacle and proposed solution. *Jurnal Teknologi* 72 (1): 97-102.
Husen, N.A. & Mohamed, M.F. 2021. Comparison of green design strategies in five traditional Malay houses. *Jurnal Kejuruteraan* 33(1): 47-53.
Izahar, M.N. & Mohamed, M.F. 2018. Kelestarian masjid lama di Bandar Melaka. *Prosiding Persidangan Senibina dan Alam Bina Serantau 2018 (SeniBINA2018)*.
Japlus, N.M.A.N.M. & Mohamed, M.F. 2018. Pendekatan hijau dalam reka bentuk rumah tradisional Melaka di Kampung Morten. *Prosiding Persidangan Senibina dan Alam Bina Serantau 2018 (SeniBINA2018)*.
Malaysian Standard. 2014. *Architecture and asset management of masjid – Code of practice. MS 2577:2014*. Selangor: Department of Standard Malaysia.
Mohamed, M.F. 2020. Sustainable Design Approaches in Malaysia's Traditional Mosques and Houses. *Proceeding International Conference on Engineering* 1(1):13-21.
Nasir, A.H. 2004. *Mosque Architecture in the Malay World*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
Surat, M. 2017. *Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Surat, M., Baharum, M.A., Usman I.M.S., Musa A.R., & Tawil, N.M. 2012. Mengenalpasti tahap kesejahteraan seni bina warisan Melayu melalui konsep Islam. *Journal Design + Built* 5(1):1-11